



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

PENILAIAN IMPAK BAGI AKTIVITI PENGUATKUASAAN MyCC

Ringkasan Awam | 2023



KOMPILASI KES-KES TERPILIH DARIPADA TAHUN
2015 SEHINGGA 2021



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN MENTERI	2	6. GAMBARAN KESELURUHAN DAN PENGENALAN KES DIPILIH	25
PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	4	6.1 Liputan Geografi dan Temporal	26
PRAKATA Pengerusi	6	6.2 Kes 1: Pengeluar Ais, 2015	28
PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	8	6.3 Kes 2: Persatuan Bakeri dan Manisan SibU, 2015	30
1. LATAR BELAKANG	10	6.4 Kes 3: Pusat Tuisyen dan Penjagaan Harian, 2018	31
2. MENGENAI DOKUMEN INI	12	6.5 Kes 4: My E.G. Services Berhad, 2016	32
3. PENILAIAN IMPAK DAN KEPENTINGANNYA	13	6.6 Kes 5: Pengendali Ro-Ro Langkawi, 2021	33
3.1 Penilaian Impak Amalan Baik untuk NCA	14	6.7 Kes 6: Dagang Net Technologies Sdn. Bhd., 2021	34
3.2 Penilaian Impak Menghasilkan Manfaat untuk NCA	15	6.8 Kes 7: Pengendali Depoh Kontena, 2016	35
3.3 Penilaian Impak Sulung MyCC	16	7. MANFAAT PENGGUNA DAN ANGGARAN NISBAH MANFAAT-KOS	36
4. PENILAIAN IMPAK DALAM BIDANG KUASA NEGARA-NEGARA LAIN	17	7.1 Aktiviti Penguatkuasaan Menghasilkan Manfaat Pengguna yang Ketara	37
4.1 Penilaian Disesuaikan untuk Keperluan, Konteks dan Keutamaan	18	7.2 Nisbah Manfaat-Kos yang Tinggi kerana Asas Kos Rendah MyCC	38
4.2 Kes-kes Penilaian Impak untuk NCA di Negara-negara Maju	19	8. KESIMPULAN	39
5. RANGKA KERJA BAGI PENILAIAN IMPAK PERTAMA MyCC	20		
5.1 Prinsip Umum Berdasarkan Keperluan MyCC	21		
5.2 Mentakrifkan "Manfaat Pengguna"	22		
5.3 Jangka masa manfaat pengguna	23		
5.4 Parameter dan andaian lain	23		



PERUTUSAN MENTERI



PERUTUSAN MENTERI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mempunyai matlamat untuk melahirkan persekitaran ekonomi yang melindungi kepentingan pengguna. Walaupun MyCC adalah pihak berkuasa persaingan yang masih berada di peringkat baharu di Malaysia, agensi ini telah membuktikan kecekapan dan keupayaan mereka melalui pelbagai kejayaan yang dicapai. Sebagai bukti, pembangunan penilaian impak ini adalah salah satu kejayaan yang menonjolkan kemampuan MyCC dalam melaksanakan Akta Persaingan 2010 dengan berkesan dan cekap.

Melalui penilaian impak ini, adalah penting untuk mengiktiraf segala usaha yang telah dijalankan oleh MyCC bagi membanteras pelakuan antipersaingan dalam pasaran, seterusnya melindungi pengguna dan menggalakkan persaingan demi pembangunan iklim ekonomi yang mengintensifkan inovasi dan kecekapan. Penilaian impak ini juga turut mempamerkan hasil daripada tindakan penguatkuasaan MyCC adalah selaras

dengan matlamat Kementerian dalam mempromosikan perdagangan, mengawal praktik kartel dan monopoli serta melindungi kebajikan pengguna. Selain itu, laporan ini juga menerangkan kesan tindakan penguatkuasaan MyCC terhadap perdagangan domestik serta impaknya terhadap kos sara hidup di Malaysia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah membantu dalam menerbitkan laporan ini, khususnya para profesional yang berkhidmat di MyCC. Semoga penilaian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang berharga kepada pembuat dasar, agensi-agensi regulasi dan semua pihak yang berkepentingan dalam mengekalkan persaingan yang sihat bagi menyokong pertumbuhan perdagangan dalam negeri demi kemakmuran Malaysia.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup, KPDN

PERUTUSAN **KETUA SETIAUSAHA**



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Saya sangat berbesar hati ingin berkongsi laporan penilaian impak aktiviti penguatkuasaan yang telah dihasilkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Laporan ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha MyCC menggalakkan persaingan dan menegakkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. Sebagai badan separa kehakiman yang ditugaskan untuk menguatkuasakan perundangan persaingan, MyCC memainkan peranan penting dalam melindungi proses persaingan dengan memastikan setiap pemain industri mempunyai peluang yang sama.

Penilaian impak aktiviti penguatkuasaan MyCC ini menawarkan analisis menyeluruh terhadap usaha penguatkuasaan MyCC termasuk keberkesanan mereka dalam mengawal pemain industri dan melindungi persaingan dalam pelbagai sektor. Dengan mengkaji

hasil tindakan penguatkuasaan yang telah diambil MyCC, laporan ini memberikan pandangan berharga tentang kesan aktiviti penguatkuasaan MyCC terhadap kesejahteraan pengguna, daya saing ekonomi dan dinamik pasaran.

Adalah diharapkan, dengan menerangkan implikasi tindakan MyCC, ianya akan dapat memupuk lebih banyak kerjasama dan inovasi dalam usaha MyCC menguatkuasakan perundangan persaingan serta seterusnya mendorong kemakmuran yang berterusan dan memastikan kesejahteraan pengguna dan perniagaan sama-sama terjamin.

YBHG. DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri dan Kos Sara Hidup, KPDN

PRAKATA PENGERUSI



PRAKATA PENGERUSI

Saya dengan sukacitanya ingin memperkenalkan penilaian impak aktiviti penguatkuasaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang terpilih. Sejak penubuhannya pada tahun 2012, MyCC menerusi Akta Persaingan 2010, telah membina reputasi yang kukuh sebagai institusi utama dalam aktiviti pengawalseliaan perundangan persaingan di Malaysia. Misi utama MyCC adalah untuk memupuk persekitaran pasaran yang menggalakkan persaingan, dengan harapan ianya akan menyumbang kepada kesejahteraan pengguna dan landskap perniagaan secara keseluruhannya.

MyCC telah menghadapi pelbagai cabaran sepanjang perjalanannya sejak ditubuhkan, namun, MyCC terus teguh dalam usahanya menjalankan penyiasatannya merentasi pelbagai sektor. Melalui penguatkuasaan perundangan persaingan, telah berjaya menjalankan penyiasatan merentasi pelbagai sektor bagi menguatkuasakan undang-undang persaingan dengan matlamat untuk memupuk daya saing global. Penilaian impak ini bukan sahaja mencerminkan pencapaian MyCC yang lalu tetapi juga menandakan komitmen yang berterusan untuk membentuk persekitaran pasaran yang kompetitif dan inovatif pada tahun-tahun akan datang. Penilaian impak ini

juga akan menjadi sumber maklumat yang berguna dengan memberi pemahaman kepada orang ramai mengenai misi MyCC dalam memastikan perniagaan mematuhi undang-undang persaingan.

Saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pasukan kami atas usaha mereka dalam menghasilkan penilaian impak ini. Saya percaya bahawa dedikasi mereka dalam usaha menghasilkan penilaian impak ini akan membantu meningkatkan pemahaman orang ramai tentang kepentingan perundangan persaingan.

Dalam melangkah ke hadapan, MyCC akan terus memainkan peranannya sebagai agensi penguatkuasaan persaingan dan akan sentiasa berusaha untuk memupuk budaya persaingan yang kondusif dalam pasaran untuk manfaat perniagaan, pengguna dan ekonomi secara keseluruhannya.

DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS

Pengerusi, MyCC

PRAKATA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PRAKATA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dengan penuh rasa bangga, saya di sini ingin berkongsi penilaian impak ini sebagai usaha Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam memupuk persaingan yang sihat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Melalui penguatkuasaan dasar dan perundangan persaingan, MyCC telah memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan persekitaran yang bukan sahaja memupuk inovasi dalam kalangan perniagaan tetapi juga memastikan kebajikan pengguna terjamin.

Penilaian impak aktiviti penguatkuasaan MyCC ini merupakan bukti komitmen MyCC yang tidak berbelah bahagi terhadap ketelusan dan penambahbaikan berterusan. Tujuan utama penilaian impak ini adalah untuk menilai secara kritis keberkesanan penyiasatan MyCC melalui penilaian kesannya terhadap pasaran serta melihat manfaat menyeluruh kepada pengguna dan ekonomi yang lebih luas.

Penerbitan penilaian impak ini bukan sahaja sebagai cerminan perjalanan MyCC bahkan turut menunjukkan keazaman MyCC dalam menghadapi segala cabaran dalam menguatkuasakan undang-undang persaingan di Malaysia.

Selain itu, penilaian impak ini akan memenuhi keperluan penggubal dasar, ahli akademik, pengamal undang-undang dan orang ramai dalam memberikan pandangan terhadap penguatkuasaan undang-undang persaingan yang komplikasi.

Saya menghargai semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada penguatkuasaan perundangan persaingan di Malaysia. Usaha kolektif mereka telah memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran pasaran yang kompetitif dan inovatif.

Tuntasnya, adalah menjadi aspirasi kami bahawa penilaian impak ini akan membuka jalan ke arah masa depan di mana persaingan yang teguh menjadi norma di Malaysia di mana inovasi adalah dipupuk dan pengguna dapat menikmati faedah daripada pasaran yang berkembang maju dan berdaya saing.

ENCIK ISKANDAR BIN ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif, MyCC

1. LATAR BELAKANG



1
2
3
4
5
6
7
8

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah sebuah badan berkanun bebas dan merupakan pihak berkuasa persaingan nasional di Malaysia. MyCC memperoleh kuasa, fungsi dan tanggungjawabnya daripada Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

Mukadimah Akta 712 menggariskan objektif undang-undang persaingan di Malaysia, iaitu untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan seterusnya kepentingan pengguna. Akta ini juga mengiktiraf pasaran yang berdaya saing dan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan, yang kemudiannya mempermudah persaingan harga dan kualiti antara pembekal produk dan perkhidmatan. Tingkah laku antipersaingan boleh menjadi halangan dalam mencapai manfaat ini, dan oleh itu dilarang oleh undang-undang persaingan. Oleh itu, MyCC berperanan dalam menguatkuasakan undang-undang persaingan, dan menggalakkan dasar persaingan mengikut kesesuaian, dengan menggunakan kuasa yang diperuntukkan oleh Akta 713.

Sejak Akta 712 mula berkuat kuasa pada tahun 2012, MyCC telah menjalankan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan berdasarkan aduan yang diterima daripada sumber luar (awam atau industri), melalui inisiatif pegawai MyCC (*ex-officio*) serta atas arahan Menteri. Selepas lebih 10 tahun beroperasi, MyCC berpandangan bahawa penilaian impak ini adalah mustahak untuk dilaksanakan bagi menilai kesan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC, dengan menumpukan pada manfaat aktiviti ini kepada pengguna di Malaysia.



2. MENGENAI DOKUMEN INI

1
2
3
4
5
6
7
8

Ringkasan awam ini disediakan untuk orang awam yang berminat dan memberikan gambaran keseluruhan penilaian impak, kes-kes yang dipilih untuk penilaian, dan ringkasan keputusan. Anggaran khusus mengikut kes dikecualikan daripada dokumen ini bagi tujuan kerahsiaan.





3. PENILAIAN IMPAK DAN KEPENTINGANNYA

3. PENILAIAN IMPAK DAN KEPENTINGANNYA

3.1. Penilaian Impak Amalan Baik untuk NCA

Banyak pihak berkuasa persaingan nasional atau *National Competition Authority* (NCA) terutamanya dalam ekonomi-ekonomi maju melaksanakan penilaian impak berkala secara tetap. Organisasi antarabangsa seperti *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dan *International Competition Network* (ICN) juga menyokong penilaian impak yang dijalankan oleh pihak berkuasa persaingan. Objektif penilaian tersebut boleh meliputi yang berikut:

Menilai jika kerja-kerja NCA menggalakkan dan memudahkan persaingan dalam ekonomi.

Menjustifikasi permintaan NCA untuk mendapatkan peruntukan sumber optimum untuk menjalankan tugas.



Mengukur manfaat keseluruhan aktiviti NCA kepada pengguna.

Memenuhi syarat undang-undang pelaporan atau menegakkan amalan baik bagi ketelusan dan kebertanggungjawaban secara lebih umum.

3.2. Penilaian Impak Menghasilkan Manfaat untuk NCA

Penilaian impak boleh memberikan manfaat berikut kepada pihak berkuasa persaingan dan pihak berkepentingan:



3.3. Penilaian Impak Sulung MyCC

Lebih satu dekad telah berlalu sejak Akta 712 dikuatkuasakan, dan MyCC telah menjalankan pelbagai aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan. Penilaian ini membentangkan pencapaian utama dalam menerangkan dan menilai manfaat kepada pengguna yang terhasil daripada aktiviti ini.

Dalam konteks MyCC, objektif penilaian ini ialah:



The image features a hand holding a gavel in the foreground, with a digital overlay of various icons and a circuit-like structure. The icons include a handshake, scales of justice, a building, a document, a lightbulb, a clock, a speech bubble, and a telephone. The background is a blurred image of a courtroom or a similar setting, with a blue and white color scheme.

4. PENILAIAN IMPAK DALAM BIDANG KUASA NEGARA-NEGARA LAIN

4. PENILAIAN IMPAK DALAM BIDANG KUASA NEGARA-NEGARA LAIN

4.1. Penilaian Disesuaikan mengikut Keperluan, Konteks dan Keutamaan

Disebabkan konteks institusi dan keperluan organisasi berbeza antara NCA, tiada satu kaedah tetap bagi menjalankan penilaian impak. Setiap NCA mengguna pakai kaedah penilaian yang berbeza mengikut keperluan. Namun, terdapat beberapa asas yang dianggap sebagai prinsip amalan baik yang umum:



Anggaran manfaat konservatif:

Anggaran manfaat kepada pengguna perlu dihasilkan dengan teliti dan wajar supaya manfaat tidak diperbesar.



Keputusan berdasarkan jenis campur tangan:

Manfaat kepada pengguna dianggarkan dan dibentangkan berdasarkan bidang kerja (penyiasatan, semakan penggabungan, kajian pasaran dll.) untuk memastikan ketelusan dan penilaian keutamaan.



Penggunaan maklumat khusus mengikut kes:

Pengukuran manfaat kepada pengguna mestilah seboleh-bolehnya berdasarkan butiran data yang terlibat dalam kes masing-masing, berserta andaian munasabah mengikut keperluan.

4.2. Kes-kes Penilaian Impak untuk NCA di Negara-negara Maju

NCA di negara yang lebih maju mempunyai sejarah penilaian impak lebih lama kerana amalan organisasi dan rangka kerja tadbir urus yang lebih maju. Penilaian adalah berbeza berdasarkan amalan masing-masing.



European Commission
Directorate-General of Competition

Penilaian tahunan yang memberikan anggaran kuantitatif penjimatan kepada pengguna dari segi nilai wang ringgit dalam dua bidang kerja utama, iaitu larangan kartel dan campur tangan penggabungan. Penilaian impak 2020 menganggarkan jumlah penjimatan kepada pengguna bernilai EUR 14.0 bilion sehingga EUR 23.3 bilion.



United Kingdom Competition and
Markets Authority

Penilaian tahunan yang memberikan anggaran kuantitatif penjimatan pengguna dari segi wang ringgit berserta nisbah manfaat berbanding kos yang dibelanjakan. Penilaian impak tahun 2022 menganggarkan jumlah manfaat bernilai GBP 2.264 juta, dengan nisbah manfaat-kos GBP 22.5 bagi setiap pound.



Australia Competition and Consumer
Commission

Pendekatan kualitatif berdasarkan dua tinjauan pihak berkepentingan seperti yang dinyatakan dalam Panduan Prestasi Pengawal Selia kerajaan. Tinjauan ini menilai sebanyak 37 langkah prestasi, serta kesedaran awam.

Pengajaran utama penilaian impak untuk NCA di pelbagai bidang kuasa ialah penilaian tidak dapat dibandingkan kerana dibangunkan dan diusahakan mengikut keutamaan, keperluan dan kepentingan NCA. Namun, kesemuanya dijalankan secara tetap (biasanya setiap tahun), dan kaedah yang dibangunkan sudah holistik dan tertakluk pada penelitian, sama ada melalui penerbitan penuh atau semakan rakan setara oleh pakar subjek.

Akhir sekali, kaedah boleh diperhalusi dari semasa ke semasa apabila berlakunya pertambahan data dan keperluan perspektif kesan daripada perubahan persekitaran ekonomi dan institusi.


An aerial night view of a city skyline, featuring the Petronas Twin Towers in the center. The image is overlaid with a dense network of glowing blue and purple digital lines, representing data or connectivity. The text is centered in the upper half of the image.

5. RANGKA KERJA BAGI PENILAIAN IMPAK PERTAMA MyCC

5. RANGKA KERJA BAGI PENILAIAN IMPAK PERTAMA MyCC

5.1. Prinsip Umum Berdasarkan Keperluan MyCC

Penilaian impak pertama MyCC mengguna pakai prinsip berikut dalam rangka kerja dan metodologi keseluruhan:



Anggaran kuantitatif *ex-post*

manfaat kepada pengguna diberikan untuk menunjukkan impak aktiviti MyCC kepada pihak berkepentingan.

Menumpukan pada aktiviti penguatkuasaan

di mana tingkah laku antipersaingan telah dikenal pasti dan dihentikan melalui hasil penyiasatan dan keputusan MyCC. Ini tidak termasuk bidang kerja lain seperti advokasi awam dan kajian pasaran.

Anggaran khusus mengikut kes

untuk menunjukkan impak kes-kes yang dipilih berbanding mengira jumlah manfaat dalam tempoh tertentu atau untuk bidang kerja MyCC.

Pendekatan

Butiran



Masa

Penilaian *ex-post* terhadap kemungkinan kesan anggaran bagi kes yang dipilih kepada pengguna (seperti yang ditakrifkan dalam Akta 712). Penilaian *ex-post* menyediakan kebanyakan data dan maklumat yang banyak untuk menyokong analisis.



Kesan

Manfaat langsung yang sepadan dengan penjimatan yang dinikmati oleh pengguna selepas harga dikurangkan.



Subjek

Berdasarkan kes–pasaran geografi dan produk–dengan manfaat kepada pengguna.



Kerja-kerja persaingan

Kes-kes perjanjian antipersaingan/kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Penilaian impak tidak boleh dilakukan untuk kerja MyCC dalam kajian/penyiasatan pasaran kerana status pelaksanaan cadangan MyCC masih tidak jelas buat masa ini.

5.2. Mentakrifkan "Manfaat Pengguna"

Manfaat pengguna langsung ditakrifkan seperti berikut:

Penjimatan yang dinikmati oleh pengguna hasil pembalikan atau pencegahan kenaikan harga yang dicituskan oleh tingkah laku antipersaingan berkenaan.


Sebagai contoh, pertimbangkan firma yang mempunyai 1,000 pelanggan sedia ada (atau jualan unit) yang mengenakan harga permulaan RM10. Firma itu kemudiannya terlibat dalam tingkah laku antipersaingan yang menyebabkan kenaikan harga kepada RM12. MyCC kemudiannya menyiasat dan harga asal dikembalikan. Manfaat pengguna ialah RM2 yang diijamatkan per unit, didarabkan dengan jumlah jualan unit (atau pengguna), berjumlah RM2,000 untuk tempoh tersebut.



Manfaat tidak langsung lain boleh wujud, seperti kesan pencegahan pelanggaran oleh firma lain, serta galakan inovasi dan produktiviti yang berdaya saing. Ini mungkin sukar diukur tetapi perlu dipertimbangkan dalam penilaian menyeluruh aktiviti MyCC.

5.3. Jangka masa manfaat pengguna

Kiraan manfaat terdiskaun (discounted benefit) bagi penguatkuasaan MyCC dalam tempoh 3 tahun dilaksanakan. Andaian berkaitan yang dibuat ialah, tanpa keputusan MyCC, pelanggaran antipersaingan dan kesannya (contoh, peningkatan harga) dikekalkan untuk jangka masa penilaian (3 tahun), manakala campur tangan MyCC bermaksud bahawa pelanggaran itu dihentikan dan tiada cubaan semula. Ini digambarkan seperti di bawah:








5.4. Parameter dan andaian lain

Perbandingan andaian digunakan untuk kes kartel

FAKTOR	MyCC	OECD	DG COMP EU	CMA UK	AS DOJ
Pengguna terjejas	Pusing ganti perusahaan yang didapati melanggar Akta 712	Pusing ganti perusahaan sedang disiasat dalam pasaran terlibat	Pusing ganti perusahaan terlibat dalam kartel	Pusing ganti barangan terlibat	Volum dagangan dalam pasaran berkaitan
Kesan harga	Khusus mengikut kes	10%	10% - 15%	10% - 15%	10%
Tempoh kesan harga (tahun)	3	3	1/3/6 bergantung pada kestabilan kartel	6	1 (atau bulan hayat kartel apabila dikesan jika <1 tahun)

Perbandingan andaian digunakan untuk kes penyalahgunaan kedudukan dominan

	 FAKTOR	 MyCC	 ACM Belanda	 CMA UK	 DOJ AS
Pengguna terjejas		Pusing ganti perusahaan yang didapati melanggar Akta 712	Pusing ganti barangan terlibat bagi syarikat yang menyalahguna kuasa	Pusing ganti barangan terlibat	Volum dagangan dalam pasaran berkaitan
Kesan harga		Khusus mengikut kes	10%	10%	1%
Tempoh (tahun)		3	1	6	1

1
2
3
4
5
6
7
8


An aerial, high-angle photograph of a busy pedestrian crossing. The crossing is marked with white diagonal stripes on a grey asphalt surface. Numerous small, colorful figures of people are scattered across the crossing, some walking, some standing. Overlaid on the image is a network of white dashed lines forming a circular path. Along this path are several white icons: a ship, a bus, a house, a cube with upward arrows, a truck, a hand holding a smartphone, a car, a person silhouette with a cube and upward arrows, a calendar, an umbrella, a clipboard, a shopping cart, and an airplane. The background shows a paved area with yellow curb markings and some greenery.

6. GAMBARAN KESELURUHAN DAN PENGENALAN KES DIPILIH


6. GAMBARAN KESELURUHAN DAN PENGENALAN KES DIPILIH

Setakat ini, 31 kes telah diterbitkan pada laman web MyCC pada pelbagai peringkat. 12 daripada 31 kes telah diputuskan sebagai pelanggaran. 7 kes telah dipilih berdasarkan kriteria kebolehlaksanaan dan liputan.

Kes Diterbitkan Mengikut Keputusan



Kes Diterbitkan Mengikut Segmen Perniagaan




6.1. Liputan Geografi dan Temporal

Kes-kes dipilih mempunyai liputan pasaran geografi yang berbeza, seperti Dagang Net dan MyEG yang mempunyai pasaran seluruh negara, manakala kes SCBA dan Pusat Tuisyen mempunyai pasaran negeri atau tempatan. Namun, beberapa kes pasaran tempatan didapati mungkin mempunyai impak nasional, seperti CDO Pulau Pinang.


Kepelbagaian liputan pasaran geografi menunjukkan aktiviti penguatkuasaan MyCC yang menyeluruh dan menekankan bahawa MyCC mengambil berat semua tingkah laku antipersaingan, tanpa mengira skala atau skop. Kes tempatan juga membantu membangunkan contoh dan menghantar isyarat pencegahan kepada penggiat pasaran yang lebih luas atau perusahaan secara umum. Ilustrasi pada halaman berikut memaparkan pasaran geografi bagi 7 kes yang dipilih.

Tempoh tingkah laku juga mungkin berbeza bergantung pada situasi penyiasatan; sesetengah kes melibatkan campur tangan pantas disebabkan sifat pelanggaran, manakala kes-kes lain memerlukan penyiasatan lebih lama.










Liputan Geografi Kes MyCC yang Dipilih

- Liputan kebangsaan: MyEG (4), Dagang Net (6)
- Liputan kawasan: Pengeluar Ais (1)
- Liputan tempatan: SCBA (2), Pusat Tuisyen dan Penjagaan Harian SS19 (3) Ro-Ro Langkawi (5), CDO Pulau Pinang (7)



1
2
3
4
5
6
7
8

Gambaran Keseluruhan Anggaran Manfaat Langsung

PERKARA	 Kes 1: Pengeluar Ais	 Kes 2: SCBA	 Kes 3: Pusat Tuisyen	 Kes 4: MyEG	 Kes 5: Ro-Ro Langkawi	 Kes 6: Dagang Net	 Kes 7: CDO P.Pinang
Manfaat Pengguna Terdiskaun*	5,815,689	3,269,672	1,011,708	3,221,805	8,219,427	47,746,690	4,859,768
Kesan Harga	20%	10%	23%	22%	21%	23%	400%
Kadar Diskaun (r)	3.52%	3.47%	3.71%	3.20%	2.82%	1.98%	3.25%
Penalti Dikenakan MyCC**	252,250	247,730	33,069	9,644,700	2,173,211***	10,302,476	645,774

*Anggaran manfaat hanya menggambarkan manfaat langsung dalam pasaran berkenaan disebabkan harga yang lebih rendah selepas tingkah laku antipersaingan berakhir. Ini tidak termasuk manfaat tidak langsung lain seperti kesan pencegahan, kualiti produk, pelaburan, inovasi dan manfaat seluruh ekonomi yang lain. Metodologi penuh dan data dasar boleh didapati dalam laporan teknikal dasar.

** Jumlah penalti bagi semua perusahaan yang didenda

*** Penalti akhir selepas pengurangan, memandangkan kesukaran ekonomi semasa pandemik.

6.2. Kes 1: Pengeluar Ais, 2015



Pada 24 Disember 2013, 26 syarikat pengeluar ais di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya mengeluarkan kenyataan bersama yang mendedahkan niat mereka untuk menaikkan harga sebanyak RM0.50 bagi setiap beg ais tiub dan RM2.50 bagi setiap blok ais. Pelarasan harga yang dicadangkan telah dijadualkan untuk berkuat kuasa bermula 1 Januari 2014. Pengeluar ais tersebut juga mengiklankan pengumuman itu dalam akhbar tempatan termasuk The Sun, Harian Metro, Malaysia Namban dan Sin Chew Daily. Selepas siasatan dilakukan oleh MyCC, 24 entiti didapati telah melanggar Seksyen 4(2)(a) dengan terlibat secara bersama dalam pengaturan yang bertujuan menetapkan harga jualan ais tiub dan blok ais sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kepentingan melindungi proses persaingan dalam industri pengeluaran ais

Sektor pengeluaran ais mempunyai impak yang lebih luas terhadap ekonomi dan pengguna. Ais tiub dan ais blok berperanan penting dalam mengekalkan kualiti dan kesegaran barangan mudah rosak, terutamanya dalam pasar borong basah. Ini termasuk menjaga kesegaran ikan dan hasil laut lain—impak langsung terhadap kualiti makanan yang tersedia kepada pengguna. Ais tiub turut menjadi bahan utama dalam industri makanan dan minuman, yang banyak digunakan oleh gerai dan restoran untuk menyediakan minuman serta mengekalkan piawaian kebersihan makanan.

Sebarang tingkah laku antipersaingan dalam sektor ini boleh menyebabkan kenaikan harga ais. Harga ais yang lebih tinggi akan meningkatkan kos bagi perniagaan yang memerlukan ais untuk mengekalkan kesegaran dan mempamerkan produk, seperti penjual ikan, restoran makanan laut dan gerai makan. Kos yang bertambah ini biasanya dikenakan kepada pengguna dalam bentuk harga yang lebih tinggi untuk produk segar dan makanan tersedia. Peningkatan harga ais boleh menyumbang kepada tekanan inflasi di dalam ekonomi – menjerus kepada peningkatan yang ketara dalam kos sara hidup.



6.3. Kes 2: Persatuan Bakeri dan Manisan SibU, 2015



MyCC menyiasat sekumpulan 40 perusahaan dalam Persatuan Bakeri dan Manisan SibU (SCBA), berikutan rencana akhbar yang mengumumkan keputusan pada mesyuarat agung tahunan SCBA mengenai kenaikan harga produk manisan dan bakeri mereka antara 10% hingga 15%. Penalti kewangan telah dikenakan ke atas 14 syarikat yang didapati melanggar Seksyen 4(2)(a) melalui perjanjian penetapan harga.


Roti merupakan makanan penting bagi penduduk di SibU

Kepentingan pengambilan roti sebagai makanan penting untuk rutin sarapan penduduk tempatan merupakan pendorong utama siasatan. Pengambilan roti mempunyai kepentingan tersendiri dalam budaya setempat dan kehidupan seharian penduduk SibU. Corak pengambilan ini menyerlahkan peranan penting roti sebagai pilihan sarapan yang mudah dan berkhasiat kepada populasi tempatan. Oleh itu, mana-mana tingkah laku antipersaingan oleh ahli SCBA dapat mempengaruhi secara langsung ketersediaan, harga dan kualiti produk makanan ini bagi sebahagian besar penduduk di daerah itu.

Sarapan merupakan pengambilan makanan harian yang penting, oleh itu harga roti yang dinaikkan secara bersama boleh meningkatkan kos sara hidup penduduk SibU. Ini boleh membebankan belanjawan isi rumah, terutamanya keluarga berpendapatan rendah.



6.4. Kes 3: Pusat Tuisyen dan Penjagaan Harian, 2018



MyCC menerima aduan pada bulan Ogos 2017 yang mendakwa bahawa 7 pusat jagaan kanak-kanak dan tuisyen di kawasan SS19, Subang Jaya terlibat dalam perjanjian penetapan harga untuk menaikkan dan menetapkan yuran perkhidmatan. Pusat sebegini boleh digambarkan sebagai tempat yang menawarkan tuisyen, penjagaan dan perkhidmatan penyeliaan kerja sekolah kepada pelajar sekolah rendah.

Tindakan berpakat untuk melaraskan dan menyeragamkan yuran telah mengurangkan persaingan di pasaran dengan menghalang pusat jagaan dan tuisyen menentukan yuran secara bebas mengikut kos operasi, yang menyebabkan yuran sengaja dinaikkan sehingga menjejaskan pengguna. Keputusan MyCC mendapati bahawa 7 perusahaan telah melanggar Seksyen 4 (2)(a) yang dibaca dengan S. 4(3) daripada Akta.

6.5. Kes 4: My E.G. Services Berhad, 2016



MyCC memulakan siasatan di bawah Seksyen 15(1) daripada Akta berdasarkan banyak aduan yang mendakwa bahawa My E.G. Services Berhad (MyEG) dan anak syarikatnya, My E.G. Commerce Sdn. Bhd. telah menyalahgunakan kedudukan dominan dalam peruntukan dan pengurusan atau Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) dalam talian atau pembaharuan permit pekerja asing. Aduan itu mendakwa MyEG sebagai pembekal tunggal bagi pembaharuan PLKS telah menyalahgunakan kedudukannya untuk memaksa majikan pekerja asing membeli Insurans Mandatori melalui MyEG, dan mengenakan syarat yang tidak adil dan tidak munasabah terhadap pihak yang ingin membeli insurans daripada pembekal lain.

Pada April 2015, Jabatan Imigresen mengumumkan dan berkuat kuasa pada 2 Mei 2015 bahawa semua permohonan pembaharuan PLKS hanya boleh dilakukan melalui sistem dalam talian MyEG, yang menjadikan MyEG satu-satunya penyedia pembaharuan PLKS. Menjadi dominan semata-mata tidak melanggar Akta. Namun, sebagai pemegang konsesi tunggal, MyEG berkewajipan memberikan akses yang saksama kepada kemudahan miliknya serta menggalakkan persaingan dalam pasaran hiran.

Siasatan lanjut MyCC mendapati MyEG telah melanggar Seksyen 10(2)(d)(iii) daripada Akta dengan menyalahgunakan kedudukan dominan dan memudaratkan persaingan dalam pasaran hiran yang disertai oleh anak syarikatnya, MyEG Commerce sebagai ejen insurans. Antara tindakan MyEG termasuklah mewajibkan majikan membeli Insurans Mandatori melalui MyEG serta menyukarkan proses dengan menambah langkah tambahan bagi majikan yang membeli Insurans Mandatori melalui syarikat insurans lain.


6.6. Kes 5: Pengendali Ro-Ro Langkawi, 2021



Pada tahun 2019, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima aduan daripada orang awam tentang kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Langkawi. KPDN kemudiannya mendapati terdapat kenaikan harga yang disebabkan oleh kenaikan tambang bagi kenderaan komersial yang menggunakan kapal kargo Ro-Ro yang berulang-alik antara Langkawi dan Kuala Perlis. KPDN juga mendapati terdapat persamaan harga tambang yang dikenakan oleh pengendali Ro-Ro ini. Berikutan itu, MyCC diarahkan menyiasat jika terdapat pelanggaran undang-undang persaingan.

Siasatan MyCC mendapati 3 pengendali Ro-Ro utama dan 2 yang lain terlibat dalam perbincangan tertutup untuk menaikkan dan menetapkan tambang, yang turut melibatkan kenderaan komersial dan juga kereta penumpang yang menggunakan kapal Ro-Ro mereka. Perbincangan tertutup ini membawa kepada pembentukan kartel melalui dua Memorandum Persefahaman (MoU) bermula tahun 2018 hingga 2019. Kajian oleh kementerian turut mendapati terdapat kesan domino yang menyebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan lain di Langkawi. Keputusan akhir MyCC mendapati 5 perusahaan telah melanggar Seksyen 4 daripada Akta.

6.7. Kes 6: Dagang Net Technologies Sdn. Bhd., 2021



Pada tahun 2015 dan 2017, MyCC menerima aduan bahawa Dagang Net, sebuah anak syarikat Dagang NeXchange Berhad telah terlibat dalam tingkah laku yang dianggap menyalahgunakan kedudukan dominan sebagai penyedia perkhidmatan tunggal Kerajaan dalam pembekalan perkhidmatan kemudahan perdagangan dalam talian untuk Sistem Maklumat Kastam (SMK) di bawah Tetingkap Tunggal Kebangsaan (*National Single Web*, NSW). NSW ialah satu ekosistem yang membolehkan dokumen dan transaksi berkaitan kastam dipindahkan secara elektronik antara komuniti perdagangan dan pihak pengawal selia di Malaysia melalui titik masuk tunggal.


Keputusan MyCC dalam kes tersebut mendapati Dagang Net telah melanggar Seksyen 10(1) daripada Akta dengan terlibat dalam perjanjian eksklusif melalui pengenalan klausa eksklusif dalam Perjanjian Rakan Kongsi MyChannel (MCPA) yang dibuat dengan pembekal perisian NSW dari tahun 2015 hingga 2016. MyCC mendapati bahawa tingkah laku antipersaingan Dagang Net telah memudaratkan persaingan dalam pasaran kerana ia menghalang penyedia perisian lain daripada menyediakan perkhidmatan serupa kepada pengguna akhir (dalam hal ini - pengeluar, pengimport, pengeksport, ejen pengangkut barang dan penghantaran) dalam sistem uCustoms yang sedang dibangunkan. MyCC menyimpulkan bahawa pengenalan klausa eksklusif merupakan penyalahgunaan kedudukan dominan Dagang Net dalam pasaran berkaitan.

6.8. Kes 7: Pengendali Depoh Kontena, 2016



Pada tahun 2013, MyCC memulakan siasatan di bawah Seksyen 15(1) daripada Akta berdasarkan aduan yang mendakwa beberapa pengendali depoh kontena (CDO) di Pulau Pinang telah mengeluarkan notis dan risalah kepada pelanggan mereka, dan pada masa yang sama memaklumkan tentang peningkatan caj pagar depoh (DGC) masing-masing daripada RM5 kepada RM25. CDO tersebut juga bersetuju memberikan rebat RM5.00 bagi caj pagar depoh kepada pelanggan. Selain itu, 4 CDO membuat perjanjian menegak dengan syarikat Containerchain untuk melaksanakan kenaikan caj tersebut.

Pada tahun 2016, MyCC mengeluarkan keputusan pelanggaran menurut Seksyen 40 daripada Akta terhadap Containerchain (M) Sdn. Bhd., sebagai penyedia perkhidmatan teknologi maklumat industri perkapalan dan logistik di kawasan Pulau Pinang, bersama-sama 4 CDO iaitu Ayza Industries Sdn. Bhd./Ayza Logistics Sdn. Bhd; ICS Depot Services Sdn. Bhd.; E.A.E. Depot & Freight Forwarding Sdn. Bhd.; dan Prompt Dynamics Sdn. Bhd.—kerana terlibat dalam aktiviti kartel harga.



7. MANFAAT PENGGUNA DAN ANGGARAN NISBAH MANFAAT-KOS

7. MANFAAT PENGGUNA DAN ANGGARAN NISBAH MANFAAT-KOS

7.1. Aktiviti Penguatkuasaan Menghasilkan Manfaat Pengguna yang Ketara



Atas sebab kerahsiaan, dokumen ini memberikan anggaran manfaat pengguna melalui statistik ringkasan, dan bukannya angka khusus mengikut kes. Anggaran ini menunjukkan bahawa kes-kes biasanya menghasilkan manfaat pengguna yang besar, walaupun andaian konservatif digunakan. Untuk tempoh tiga tahun, manfaat pengguna untuk kes tertentu boleh menghasilkan yang berikut:



**Median: RM 4.06 juta,
Julat antara Kuartil:
RM 2.67 juta –
RM 6.42 juta**




Walaupun analisis ini tidak merangkumi kes yang dirayu atau digugurkan tanpa keputusan pelanggaran, kes-kes yang dianggap mempunyai liputan geografi "tempatan" kecil tetap dilihat mampu menghasilkan penjimatan pengguna yang besar. Hakikatnya, tahap sebenar manfaat pengguna mungkin lebih besar daripada anggaran konservatif kerana kehadiran kesan tidak langsung dan kesan domino lain.


7.2. Nisbah Manfaat-Kos yang Tinggi kerana Asas Kos MyCC Rendah

Apabila dibandingkan dengan pelbagai langkah perbelanjaan MyCC, kes-kes menunjukkan “pulangan penguatkuasaan” yang tinggi, disebabkan manfaat pengguna yang berganda-ganda berbanding perbelanjaan berkaitan.

Apabila diukur dengan kos khusus mengikut kes (yang sebahagian besarnya melibatkan kos jam tenaga kerja yang menyiasat kes dan menjalankan proses kelulusan), semua kes yang diasiat menghasilkan manfaat berganda berbanding kos kes. Malah, nisbah terkecil melibatkan nisbah kos-manfaat hampir 500%. Ini bermakna manfaat pengguna adalah lima kali ganda daripada kos sebenar.



Apabila diukur dengan jumlah perbelanjaan MyCC, kebanyakan kes menghasilkan manfaat yang dapat menanggung sebahagian besar perbelanjaan tahunan. Kes yang mempunyai nisbah lebih daripada 100% menunjukkan bahawa satu kes sahaja cukup untuk menghasilkan manfaat pengguna yang lebih tinggi daripada kos tahunan MyCC. Secara praktikal, jika MyCC berjaya menyiasat beberapa kes setahun, manfaat pengguna yang dihasilkan oleh portfolio keseluruhan kes cukup untuk menjana pulangan positif.



Manfaat juga jauh lebih besar berbanding peruntukan kerajaan. 2 hingga 3 kes siasatan dalam setahun adalah cukup untuk memastikan kos penuh dapat diperoleh semula.



Nisbah	Median	Julat antara Kuartil
% daripada Perbelanjaan Tahunan	71%	70% - 117%
% Geran Kerajaan	64%	44% - 76%
Nisbah bagi Perbelanjaan Mengikut Kes	10.96x	7.65 - 18.29x

A hand holding a glowing lightbulb with a circuit pattern inside, symbolizing technology and innovation. The background is blurred, showing a laptop and other people in a meeting setting.

8. KESIMPULAN

8. KESIMPULAN

Ringkasan awam ini boleh dirumuskan melalui beberapa pemerhatian seperti berikut:



Kes Bukan Pelanggaran

Di bawah metodologi yang ditetapkan, kes bukan pelanggaran tidak mempunyai manfaat langsung yang diukur. Walau bagaimanapun, penyiasatan untuk kes-kes ini boleh mencegah dan memberi pendedahan kepada kes-kes baru. Pendekatan dalam pemilihan kes mendapati bahawa kes-kes berpotensi untuk tidak menemui pelanggaran atau akan dibatalkan semasa rayuan.



Meningkatkan Potensi Kejayaan

Usaha harus terus dilakukan untuk meningkatkan potensi kejayaan dalam mendapatkan hasil positif terhadap MyCC. Ini termasuk dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan tribunal atau badan kehakiman, atau meningkatkan rasional ekonomi di sebalik keputusan MyCC. Usaha ini boleh meningkatkan manfaat pengguna hasil daripada aktiviti MyCC.



Kekangan Sumber

Tenaga kerja yang tidak mencukupi merupakan kekangan untuk MyCC dalam menyiasat lebih banyak kes. Perkara lain yang diperlukan untuk mengenal pasti dan menyiasat kes termasuk kesedaran dan aduan pengguna, kajian dan penyelidikan pasaran, dan pemantauan di lapangan.



Menilai Penggabungan

Daripada pengalaman antarabangsa, menilai penggabungan dan menyekat penggabungan yang mempunyai sifat antipersaingan boleh menjadi sumber besar bagi manfaat kepada pengguna secara langsung. Sumber yang mencukupi harus dikhususkan untuk bidang kerja ini apabila rejim penggabungan berkuat kuasa selaras dengan cadangan pindaan Akta 712 dan Akta 713.

